

## SOALAN LAZIM

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2023

#### PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan TASKA di tempat kerja sektor awam?	Taman Asuhan Kanak-Kanak di tempat kerja sektor awam yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau mendapat pengecualian pendaftaran di bawah Seksyen 3(1)(b), Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) dan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia atau bahagian yang menyelaras urusan mengenai TASKA di agensi Kerajaan.
2.	Adakah TASKA yang terletak di kawasan perumahan atau kediaman kuarters Kerajaan layak untuk menerima subsidi ini?	<b>Tidak layak</b> kerana TASKA yang terletak di kawasan perumahan atau kediaman kuarters Kerajaan tidak memenuhi tafsiran TASKA seperti mana yang dimaksudkan dalam PP 1/2023. TASKA yang dimaksudkan adalah TASKA yang beroperasi di tempat kerja sektor awam.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.	Adakah pegawai layak memohon kemudahan subsidi yuran pengasuhan sekiranya TASKA berada di tempat kerja sektor awam yang terletak di sebuah bangunan khusus atau di kawasan rumah kedai ( <i>shop lot</i> ), namun tidak diuruskan atau diselaraskan oleh agensi Kerajaan? Sebagai contoh, TASKA dikendalikan oleh pengusaha bangunan ( <i>operator building</i> ) pejabat atau pemilik rumah kedai ( <i>shop lot</i> ).	<b>Tidak layak</b> kerana tidak memenuhi tafsiran TASKA seperti mana yang dinyatakan dalam PP 1/2023 iaitu tidak diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia atau bahagian yang menyelaras urusan mengenai TASKA di agensi Kerajaan.
4.	Pegawai telah memohon subsidi yuran pengasuhan TASKA untuk anak yang berumur 2 tahun. TASKA tersebut terletak di kawasan deretan rumah kedai yang turut disewa oleh agensi Kerajaan serta swasta dan diselaraskan oleh agensi Kerajaan yang menyewa di rumah kedai berkenaan. Apakah pegawai layak memohon subsidi yuran TASKA?	<b>Layak</b> kerana TASKA beroperasi di tempat kerja sektor awam dan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia atau bahagian yang menyelaras urusan mengenai TASKA di agensi Kerajaan.
5.	Berapakah bilangan anak yang layak untuk menerima subsidi yuran pengasuhan TASKA?	<b>Tiada had</b> bilangan anak pegawai. Subsidi yuran pengasuhan TASKA diberikan kepada setiap anak pegawai yang berumur bawah empat (4) tahun pada tarikh anak didaftar masuk ke TASKA.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
6.	Bolehkah pegawai menghantar anak ke TASKA di tempat kerja sektor awam yang beroperasi di luar tempat pegawai berkhidmat?	<b>Boleh.</b>  Pegawai boleh menghantar anak ke TASKA di kementerian atau jabatan Kerajaan selain daripada tempat kerjanya.
7.	Pegawai bertugas di Putrajaya. Sementara itu, anak dijaga oleh keluarga dan dihantar ke TASKA di tempat kerja sektor awam di Sabah. Adakah pegawai layak diberikan subsidi yuran pengasuhan TASKA?	<b>Layak</b> , sekiranya memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.
8.	Adakah pegawai layak diberikan subsidi yuran pengasuhan TASKA sekiranya tarikh kemasukan ke TASKA selain bulan Januari atau pertengahan bulan?	<b>Layak</b> dengan syarat umur anak mesti bawah empat (4) tahun pada tarikh anak didaftar masuk ke TASKA.
9.	Adakah bayaran elaun yang tidak diterima secara tetap setiap bulan termasuk dalam tafsiran pendapatan isi rumah?	<b>Tidak.</b>  Sebagai contoh, Elaun Lebih Masa dan Elaun Tanggung Kerja tidak ditafsirkan sebagai pendapatan bulanan isi rumah.
10.	Encik Rahim dan Puan Sarah mempunyai dua (2) orang anak berumur bawah empat (4) tahun. Bolehkan Encik Rahim dan Puan Sarah memohon kemudahan subsidi yuran pengasuhan TASKA memandangkan pendapatan isi rumah adalah kurang RM7000 sebulan?	Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA hanya layak diberi kepada salah seorang pegawai sama ada suami atau isteri bagi setiap seorang anak.  Dalam perkara ini,  (i) Encik Rahim <b>atau</b> Puan Sarah boleh memohon kemudahan subsidi yuran pengasuhan TASKA bagi kedua-dua anak; atau  (ii) Encik Rahim boleh memohon subsidi yuran pengasuhan TASKA bagi seorang anak (anak sulung); dan

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		(iii) Puan Sarah memohon subsidi yuran pengasuhan TASKA bagi seorang anak (anak kedua).
11.	Adakah pegawai layak menikmati kemudahan subsidi yuran pengasuhan TASKA sekiranya sedang menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji?	<b>Tidak layak.</b>
12.	Bilakah pegawai perlu memperbaharui permohonan subsidi yuran pengasuhan TASKA?	Pegawai perlu mengemukakan semula salinan penyata gaji terkini pegawai dan suami/ isteri serta dokumen berkaitan sebelum 31 Disember setiap tahun kepada bahagian yang menyelaras urusan mengenai TASKA di mana pegawai berkhidmat.